



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PANDUAN TEMUDUGA DALAM TALIAN

Calon Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
UTM



Disediakan oleh:

Asha Hasnimy binti Mohd Hashim, Dr.
Halijah binti Ibrahim, Dr.
Zainal Abidin bin Zainuddin, Prof. Madya Dr.
Diyana Zulaika binti Abdul Ghani, Dr.
Adjah Naqkiah binti Mazlan, Dr.
Muhamad Hafiz bin Ismail, Dr.
Syahrul Ridhwan bin Morazuki, Dr.
Muhamad Afzamiman Aripin, Dr
Mohd Syafiq Azha @Azhar

Sekolah Pendidikan

**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa jua bentuk pun dan dengan apa cara juga sama ada elektronik, fotostat, rakaman, visual atau cara lain, mana-mana bahagian artikel/illustrasi/isi kandungan buku panduan ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Universiti Teknologi Malaysia.

ISI KANDUNGAN

1.0	Prosedur Temuduga Dalam Talian	
1.1	Sebelum Temuduga	2
1.2	Pada Hari Temuduga	3
1.3	Prosedur <i>Mock Teaching</i>	4
1.4	Sesi Temuduga	5
1.5	Selepas Temuduga	6



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA


1.0 PANDUAN TEMUDUGA CALON IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN UTM

Calon dikehendaki bersedia menjalani temuduga dalam talian dengan menggunakan platform aplikasi *Webex* di peranti masing-masing seperti komputer / komputer riba / telefon pintar.


1.1 Sebelum Temuduga

- i) Calon perlu menyemak kelajuan internet dengan melayari mana-mana laman sesawang untuk menguji kelajuan internet, contohnya <https://www.speedtest.net/>

a. Calon perlu menekan *Go*




b. Kelajuan internet mestilah sekurang-kurangnya **2 megabytes/second** bagi memastikan kestabilan internet. Calon perlu mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk menjalankan temuduga supaya capaian internet tidak terganggu dan bebas daripada gangguan orang dan bunyi bising yang lain.




2. Calon boleh memuat turun aplikasi *Webex* atau hanya melayari platform *Webex* dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

a. Melayari <https://help.webex.com/en-us/3gt73c/Webex-Teams-Let-Someone-into-Your-Meeting> dan tekan *Downloads*




b. Memasang aplikasi *Webex* di laptop, kemudian calon boleh *Sign Up* atau *Use as Guest*



3. Calon akan dihubungi melalui aplikasi *Whatsapp* untuk mengesahkan jadual temuduga.

.1.2 Pada Hari Temuduga

- i) Berdasarkan jadual yang diterima oleh calon, calon perlu menghubungi urusetia melalui aplikasi *Whatsapp* dan menunjukkan kad pengenalan asal kepada urusetia bagi mengenalpasti identiti calon.
- ii) Calon akan diberikan satu pautan kepada platform *Webex* melalui aplikasi *Whatsapp* oleh urusetia. Calon perlu tekan pautan itu untuk menyertai sesi temuduga secara langsung. Calon juga boleh masukkan pautan tersebut di ruangan kotak merah seperti di bawah.



- ii) Calon perlu tunggu di *Lobby* sehingga urusetia memaklumkan pautan untuk memasuki *Meeting Room*. Sekiranya calon ada masalah dengan pautan tersebut, boleh hubungi urusetia melalui aplikasi *Whatsapp* dengan segera.
- iii) Setelah tiba giliran calon, calon akan memasuki *Meeting Room* untuk melakukan *Mock Teaching*, diikuti dengan Ujian Rabun Warna dan soal jawab. Calon perlu melakukan *Mock Teaching* seperti panduan berikut sebaik sahaja tiba giliran temuduga.



1.2 Prosedur *Mock Teaching*

Contoh video *Mock Teaching* adalah seperti di pautan berikut:

<https://youtu.be/2DFOegOsIR4>.

Langkah – langkah melakonkan *Mock Teaching* yang berdurasi 2 minit sahaja.

- i) Calon perlu masuk melalui pintu bilik lalu memberikan salam dan meminta pelajar memberikan salam.




- ii) Calon memulakan pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) dengan pergerakan dan *gesture* (isyarat badan) yang bersesuaian sebagai seorang guru.


#PERHATIAN#

- Pastikan alatan peranti masing-masing seperti komputer / komputer riba / telefon pintar disambungkan dengan sumber tenaga elektrik untuk mengelakkan sesi temuduga terputus.

- Meletakkan peranti masing-masing seperti komputer / komputer riba / telefon pintar di dalam sebuah bilik bebas dari bunyi bising serta mempunyai pencahayaan yang baik.
- Kamera peranti masing-masing seperti komputer / komputer riba / telefon pintar tersebut dapat memaparkan keseluruhan bilik terutamanya pintu, keseluruhan calon berdiri bagi melakukan *Mock Teaching* dan tempat duduk untuk temuduga. Anggaran jarak adalah 3-5 meter sesuai dengan ruangan bilik. Rujuk gambar di bawah sebagai contoh.




- Kamera peranti masing-masing seperti komputer / komputer riba / telefon pintar dapat menangkap keseluruhan fizikal calon semasa berdiri (Pdpc) seperti gambar di bawah.



1.3 Sesi Temuduga

- Selesai *Mock teaching*, calon boleh duduk di kerusi berhadapan dengan kamera peranti masing-masing seperti komputer / komputer riba / telefon pintar.
- Jarak sesuai adalah 1 meter dari kamera peranti masing-masing seperti komputer / komputer riba / telefon pintar ke tempat calon duduk.



- iii) Selepas calon telah selesai dalam keadaan duduk, calon akan dipaparkan kad Ujian Rabun Warna.
- iv) Calon perlu menjawab ujian tersebut secara lisan dan direkodkan oleh urusetia hasil ujian.
- v) Calon akan bersoal jawab dengan panel selama 10 minit bagi menilai kemahiran berkomunikasi, sahsiah dan sikap calon.

1.4 Selepas Temuduga

- i) Selesai temuduga, calon boleh tamatkan sesi temuduga dengan meninggalkan *Meeting Room* pada platform *Webex*.
- ii) Calon akan dihubungi melalui aplikasi *Whatapp* untuk semakan dokumen dan urusan lain jika perlu.



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



SEKOLAH PENDIDIKAN,
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Copyright © 2020 Universiti Teknologi Malaysia. All Rights Reserved